



29 Mac 2018
29 March 2018
P.U. (A) 83

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
(PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA)
(NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU) 2018

*FEDERAL CONSTITUTION (DELIMITATION OF
CONSTITUENCIES) (STATES OF MALAYA) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
(PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA)
(NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU) 2018

BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah, mengikut kehendak Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, mengkaji semula pembahagian Negeri-Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) kepada bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan pembahagian setiap Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu itu kepada bahagian-bahagian pilihan raya Negeri:

DAN BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah, mengikut seksyen 8 Bahagian II Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan, mengemukakan kepada Perdana Menteri pada 9 Mac 2018 laporan mereka yang mengandungi syor-syor berkenaan dengan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) dan bahagian-bahagian pilihan raya Negeri setiap Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu:

DAN BAHAWASANYA laporan Suruhanjaya Pilihan Raya itu telah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat di bawah seksyen 9 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut: